



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	20/12/2019	MUKA SURAT	: 58
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Waspada penyakit bawaan air di musim tengkujuh

Masalah banjir kilat melanda beberapa negeri sejak beberapa hari lalu, khususnya di Pantai Timur dan Selatan Semenanjung.

Selain membawa kerosakan harta benda, ia turut mengundang masalah keselamatan dan kesihatan kepada mangsa, jika tiada langkah sewajarnya diambil.

Air yang dibawa melalui banjir kilat boleh mengandungi pelbagai jenis bentuk kotoran serta bakteria, yang tidak kelihatan pada pandangan mata kasar manusia.

Segala kotoran serta bakteria mungkin datang daripada manusia, haiwan, tandas atau tangki septik yang ditenggelami air dan sampah sarap atau najis yang disebarkan menerusi air.

Pelbagai jenis penyakit boleh dikaitkan melalui bawahan air seperti keracunan makanan atau minuman, taun, demam kepalu, hepatitis A dan lain-lain lagi.

Kebanyakan kotoran serta bakteria dibawa melalui air banjir ini akan menjerang sistem penghadaman serta jangkitan mangsa, yang boleh menyebabkan demam panas, sakti perut, muntah dan cirit-birit.

Oleh itu, penting bagi semua



Elak terdedah kepada air banjir bagi menghindarkan penyakit.

(Foto Hiasan)

pihak mengambil langkah berjaga-jaga dalam menghadapi suasana banjir kilat. Mangsa perlu memastikan diri mereka tidak terdedah dengan air banjir sepanjang masa.

Bagi yang terdedah kepada banjir digesa segera membersihkan diri menggunakan air bersih yang dibekalkan.

Tangan dan kaki perlu sentiasa dicitri menggunakan air bersih. Jangan sesekali menggunakan air banjir untuk penyediaan makanan, minuman dan lain-lain

aktiviti harian.

Perlu juga dipastikan anak tidak bermain air banjir, yang boleh mendedahkan diri mereka kepada risiko bahaya.

Ibu bapa serta penjaga bertanggungjawab bukan sahaja dari sudut moral untuk menjaga keselamatan dan kesihatan, malah jelas termaktub di bawah peruntukan undang-undang sedia ada seperti termaktub mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

Kerajaan khususnya Kemente-

rian Kesihatan (KKM) perlu melaksakan proses pemantauan terhadap semua kawasan terabit banjir kilat.

KKM perlu mengeluarkan garis panduan atau arahan lebih jelas kepada semua penduduk di kawasan berisiko tinggi banjir, mengenai langkah yang perlu diambil bagi menjaga keselamatan serta kesihatan diri.

Bantuan makanan, minuman, air bersih dan ubat-ubatan perlu disalurkan segera kepada mangsa dan mereka yang menghadapi masalah kesihatan, perlu segera dibawa ke klinik atau hospital berdekatan, untuk rawatan lanjut.

Langkah proaktif perlu diambil bagi mengelak sebarang kes berjangkit di musim banjir, kerana ia boleh membawa implikasi lebih buruk kepada semua pihak. Sebarang impak negatif daripada banjir kilat, khususnya berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan, boleh dikawal pada peringkat awal serta dibendung dengan baik.

Dr Muazfar Syah Mallow,
Penyarah Kanan Fakulti Syarikh & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia